



Hujung Minggu

فَلْيَا بِرْ وَنِي

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG

IMSAK 4.46

SUBUH 4.56 | SYURUK 6.17

DUHA 6.40

ZUHUR 12.27

ASAR 3.46

MAGHRIB 6.36

ISYAK 7.48

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 94

6 OGOS 2022 / 1444 هـ 8

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

MANISNYA IMAN

مانیسش ایمان

"DEMI masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh dan saling berpesan untuk mengikut yang hak serta saling berpesan untuk bersabar".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-'Asr, ayat 1-3



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-'Asr, ayat 1-3 :

Tafsirnya : "Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh dan saling berpesan untuk mengikut yang hak serta saling berpesan untuk bersabar".

Masa itu sangat berharga dan ia berlalu dengan begitu pantas tanpa kita sedari. Justeru, kita hendaklah menggunakan masa yang ada ini dengan sebaik-baiknya. Perlu diingat, bahawa masa itu sekiranya tidak dimanfaatkan oleh kita dengan sebaik-baiknya, nescaya ia akan menyebabkan kita benar-benar dalam kerugian.

Sesungguhnya antara masa yang paling berharga itu ialah masa muda. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan kita supaya sentiasa memanfaatkannya dan jangan sekali-kali mensia-siakan usia muda kerana usia tersebut merupakan usia yang paling bernilai dan paling bermanfaat dalam kehidupan. Daripada Ibnu Abbas Radiallahuanhu ia berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada seorang lelaki dan Baginda menasihatinya :

Maksudnya : "Rebutlah lima perkara sebelum kamu didatangi oleh lima perkara yang lain. Masa muda mu sebelum tua mu, masa sihat mu sebelum sakit mu, masa kaya mu sebelum fakir mu, masa lapang

Belia tonggak kekuatan negara

"mu sebelum kesibukan mu dan masa hidup mu sebelum mati mu". (Hadis Riwayat Imam Hakim)

Oleh yang demikian, di era globalisasi ini, seyoga diingatkan kepada kita semua terutamanya para belia agar menghargai dan menggunakan usia dan masa mereka dengan sebaik-baiknya, kerana di usia muda inilah masa yang terbaik untuk membina jati diri, menghias peribadi dengan akhlak yang mulia dan yang paling utama adalah memanfaatkan diri dengan iman dan takwa.

Belia merupakan cerminan masa hadapan sesebuah negara. Apabila mantap belianya, maka akan bersinar dan bercahaya lagi masa hadapan sesebuah negara itu. Jika sebaliknya, nescaya masa hadapan negara tersebut akan suram dan gelap.

Maka tidak diragukan lagi bahawa belia adalah aset yang amat bernilai dan merupakan tonggak serta kekuatan bagi sesebuah negara. Atas sebab itu, para belia perlu dididik dan dibimbing dengan sempurna agar kelak mereka menjadi generasi yang beriman, berilmu, beramal dan bertakwa serta bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan juga negara.

Keprihatinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengenai pembentukan belia ini sangat jelas dalam hadis-hadis Baginda. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjelaskan tentang tujuh golongan yang mendapat naungan Allah Subhanahu Wata'ala pada hari kiamat kelak dan salah satu dari golongan tersebut ialah golongan belia yang melazimkan diri mereka pada usia muda mereka untuk berbiadat. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu meriwayatkan bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Tujuh (golongan) yang akan dinaungi Allah dalam naungan-Nya pada hari tiada naungan melainkan naungan-Nya : (laitu) Imam yang adil. Seorang belia yang hidup (melazimkan usia mudanya) dalam berbiadat kepada TuhanYa, seorang lelaki yang hatinya terikat (cenderung) kepada masjid, dua orang yang saling kasih-mengasih kerana Allah baik ketika bertemu mahupun ketika berpisah, seorang lelaki yang diajak (melakukan zina) oleh wanita yang mempunyai kedudukan dan kecantikan namun dia menolak dan berkata : "Saya takut (akan azab) Allah," seorang lelaki yang bersedekah secara bersembunyi sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang disedekahkan oleh tangan kanannya dan seorang lelaki yang berzikir mengingati Allah bersendirian sehingga

mengalir air matanya".

Generasi muda atau belia merupakan tiang dan sandaran negara serta menjadi sumber tenaga manusia yang sangat bernilai. Pada mereka diletakkan cita-cita dan harapan negara di masa hadapan. Sebagai harapan negara, mereka memikul tanggungjawab yang amat besar.

Oleh itu, mereka perlu dibentuk dan dipersiapkan dengan tarbiah, nilai-nilai dan kefahaman Islam sejak dari kecil lagi bagi menanai matlamat dan aspirasi negara yang dicintai. Untuk melahirkan belia Brunei yang cemerlang, ada beberapa ciri yang perlu dimiliki oleh setiap belia, antaranya :

Pertama : Beriman iaitu patuh dan berpegang teguh kepada ajaran agamanya.

Kedua : Berilmu iaitu mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk meneraju negara di masa hadapan. Bangsa yang menitikberatkan pendidikan adalah bangsa yang mempunyai masa depan.

Ketiga : Berbudaya iaitu dapat mempertahankan dan memelihara ciri-ciri kebruneian seperti berbudi bahasa, menghormati orang tua, bersopan santun dan lain-lain, kerana budaya itu mencerminkan keperibadian dan identiti sesebuah bangsa.

Keempat : Berkeupayaan iaitu dapat berdaya tahan dan berdaya saing di era globalisasi yang semakin kompetitif dan membolehkan negara kita sebanding dengan negara-negara maju.

Kelima : Bernegara iaitu memiliki sifat nasionalisme di dalam diri mereka bagi memastikan mereka mencintai bangsa dan negara demi pembangunan negara.

Dengan memiliki sifat atau ciri-ciri tersebut, maka ia akan dapat membantu melahirkan belia holistik yang cemerlang yang mempunyai rasa tanggungjawab demi bangsa dan negara. Dengan memiliki sifat-sifat ini juga, para belia akan dapat berfikir dan menyedari akan peranan dan tanggungjawab mereka terhadap pembangunan negara dan juga sebagai penerus kesinambungan pentadbiran dan kemajuan pembangunan negara.

Hari Belia Kebangsaan jatuh pada 1 Ogos setiap tahun di mana para belia di negara ini berkumpul dengan tujuan yang bermakna. Pengisytiharan Hari Belia oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi 1 Ogos dijadikan sebagai Hari Belia Kebangsaan adalah satu pengiktirafan dan penghargaan terhadap pergerakan belia di negara ini.

Dalam usaha membangun belia di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti, kemudahan-kemudahan prasarana, infrastruktur dan bantuan fizikal dan fiskal.

Tema sambutan pada tahun ini ialah 'Belia Siaga Masa Depan'. Tema ini menjelaskan bahawa belia adalah tonggak utama dalam menentukan hala tuju dan kemajuan negara pada masa depan. Betapa pentingnya belia pada sesebuah negara adalah terletak pada peranan belia itu sendiri sebagai pemaju kepada kemajuan pembangunan negara pada masa depan. Mempersiapkan diri belia dengan acuan yang berkualiti adalah penting untuk melahirkan belia yang cemerlang. Bukan sahaja cemerlang dalam pendidikan, sahsiah dan kerohanian tetapi juga belia yang berkemahiran, inovatif dan kreatif supaya seajar dengan kepesatan kemajuan dunia dalam pelbagai bidang.

Kesiagaan belia dalam memberikan khidmat dan bakti mereka kepada negara adalah terbukti bila mana negara berdepan dalam situasi mencabar menangani penularan wabak COVID-19 beberapa tahun kebelakangan ini. Dalam mewujudkan ekosistem pembangunan belia yang dinamik, mapan dan inklusif, kesiagaan belia dalam pembentukan dasar dan membuat keputusan ke arah mencapai kecemerlangan yang tinggi iaitu berakhlik mulia, bertaraf dunia, agen siaga perubahan masa depan dan pembangunan negara secara inklusif serta mengukuhkan nilai-nilai teras kebruneian turut diperakui melalui Dasar Belia Negara dan Strategi 2035.

Akhirnya, bagi menjamin kemakmuran dan kemajuan negara kita ini agar berterusan dan sentiasa membangun dari masa ke masa, kita amat memerlukan golongan pelapis iaitu golongan belia kerana mereka lah yang bakal mengganti bagi meneruskan usaha dalam membangun umat dan negara di masa hadapan. Sama-samaalah kita berdoa semoga belia-belia serta seluruh rakyat dan penduduk negara kita sentiasa berada di atas landasan yang benar dan direndai Allah Subhanahu Wata'ala juga. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Kamu (wahai umat Nabi Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada yang mungkar dan kamu beriman kepada Allah. Dan kalau ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) beriman, tentulah yang demikian itu baik bagi mereka. (Tetapi) sebahagian daripada mereka ada yang beriman dan kebanyakannya mereka ialah orang fasik". (Surah Ali-Imran, ayat 110)